

14 JULY 2000

Everest-Mati

KETUA EKSPEDISI EVEREST '97 RAMLLE MENINGGAL DUNIA

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Ketua ekspedisi 20 rakyat Malaysia mendaki gunung tertinggi dunia Everest pada 1997, Nor Ramlle Sulaiman meninggal dunia di rumahnya, di Taman Sri Andalas, Klang, awal pagi ini.

Isterinya, Roslin Abdul Jalil ketika dihubungi Bernama berkata Ramlle, 45, meninggal dunia kira-kira pukul 2.30 pagi.

Katanya Ramlle, seorang pegawai tadbir di Klang Port Management (KPM) Pelabuhan Klang, masuk tidur kira-kira pukul 1 pagi selepas selesai melakukan sedikit kerja pejabat.

"Kira-kira pukul 2.30 pagi saya terjaga dari tidur dan menyedari Ramlle seperti tersedak tiga kali. Saya menyuruhnya mengucap (kalimah syahadah) dan beliau menyebut 'Allah' tiga kali sebelum kepalanya terlentuk dan mulut keluar air liur," katanya.

Roslin berkata beliau mendapatkan bantuan jiran yang bekerja di hospital dan menelefon seorang doktor datang ke rumah.

Menurut jirannya, Ramlle sudah meninggal sebelum doktor tiba bagaimanapun mereka membawanya ke Hospital Tuanku Ampuan Rahimah, Klang untuk pengesahan.

Allahyarham Ramlle merupakan ketua projek Malaysia-Everest '97 yang menjadi kebanggaan negara kerana dua anggota pasukan itu M. Magendran, 33, dan N. Mohandas, 36, menjadi rakyat Malaysia pertama menakluki puncak tertinggi gunung itu.

Mereka sampai ke puncak setinggi 8,848 meter itu selepas mendaki selama 59 hari, pada pukul 2.10 petang, 23 Mei 1997.

Projek idea Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu dilancarkan pada 4 Jun 1996.

Ramlle dianugerah Kesatria Mangku Negara (KMN) oleh Yang di-Pertuan Agong pada tahun 1997.

Roslin berkata jenazah Ramlle dikebumikan selepas solat Jumaat hari ini di tanah perkuburan Islam Lipat Kajang, Klang.

Selain Roslin, Ramlle meninggalkan dua anak perempuan berumur 14 dan 19 tahun.

-- BERNAMA

MEO ZS RON